



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN MAJLIS PERBANDARAN PENAMPANG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah** untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Penampang seperti berikut:-

JAWATAN : PEGAWAI UNDANG-UNDANG L9

MAKLUMAN JAWATAN

- a) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan dan Kehakiman
- b) Taraf Lantikan : Kontrak
- c) Jumlah Kekosongan : 01

SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah.
- b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

KELAYAKAN LANTIKAN : (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; atau

(ii) lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination).

GAJI PERMULAAN : L41 : RM 2,418.00

SYARAT BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysi/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Skop Tugas Pegawai Undang-Undang

1. Membantu mengendalikan kes-kes perbicaraan dan permohonan bagi pihak Majlis Perbandaran Penampang.
2. Memberi nasihat perundangan kepada pengurusan Majlis Perbandaran Penampang.
3. Membantu membuat penyelidikan/kajian terhadap peruntukan perundangan Majlis Perbandaran Penampang mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
4. Membantu mengkaji dan meneliti surat-surat dan representasi yang diterima dan mengambil tindakan.
5. Membantu menyemak dan memberi ulasan terhadap dokumen perundangan seperti perjanjian, nota pihak ketiga, triti, surat atau memorandum persefahaman yang melibatkan Majlis Perbandaran Penampang.
6. Menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu undang-undang dan menyediakan pandangan atas permintaan Kementerian pihak pengurusan Majlis Perbandaran Penampang.

JAWATAN : PENOLONG JURUTERA J5

MAKLUMAN JAWATAN

- a) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- b) Taraf Lantikan : Kontrak
- c) Jumlah Kekosongan : 02

SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah.
- b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

KELAYAKAN LANTIKAN : (i) Sijil Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; atau

(ii) Diploma Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

GAJI PERMULAAN : J5 : RM 1,650.00

SYARAT BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurangkurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysi/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Skop Tugas Penolong Jurutera

1. Membantu Timbalan Presiden/Jurutera mengendalikan pelaksanaan projek di Bahagian Pembangunan Luar Bandar bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik.
2. Mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan.
3. Merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek.
4. Menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender.
5. Melaksana dan membantu menyelesaikan aduan-aduan berkaitan Bahagian Pembangunan Luar Bandar.
6. Membantu Timbalan Presiden/Jurutera menyediakan peruntukan kewangan tahunan (bajet) Bahagian Pembangunan Luar Bandar, kertas kerja, analisa awalan, mengumpul data bagi projek-projek pembangunan.
7. Mempunyai kemahiran menggunakan komputer dan aplikasi terkini.

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat Wisma Majlis Perbandaran Penampang seperti berikut:-

Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
Tingkat 1, Wisma Majlis Perbandaran Penampang

- a. Semua permohonan daripada pegawai-pegawai kerajaan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan Laporan Penilaian Prestasi pada tahun semasa.
- b. Borang permohonan yang telah dilengkapi beserta dengan salinan sah Sijil Lahir, Kad Pengenalan, Kelulusan Kelayakan Akademik dan Gambar Berukuran Pasport hendaklah dikemukakan kepada:-

**SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN PENAMPANG
JALAN DEWAN MASYARAKAT
89507 PENAMPANG**

Atau serahan tangan ke:-

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 1, WISMA MAJLIS PERBANDARAN PENAMPANG**

Tidak lewat dari tarikh **15 APRIL 2026.**

CATATAN AM

- a. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan terpilih selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- b. Bagi kakitangan kerajaan, semua permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan yang tidak melalui Ketua Jabatan akan ditolak. Namun sekiranya Ketua Jabatan pemohon tidak berada dalam pejabat dalam tempoh iklan ini kerana berkursus, bercuti dan sebagainya, maka surat permohonan tersebut hendaklah melalui pegawai kanan yang berikutnya di jabatan berkenaan.
- c. Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga bagi jawatan ini (sekiranya terpilih) adalah atas tanggungan pemohon.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas satu(1) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- e. Sebarang keputusan Majlis Perbandaran Penampang berhubung pengisian jawatan ini adalah muktamad.
- f. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia Majlis Perbandaran Penampang.